

**NO. SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 18 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6511**

**SOALAN:**

**TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah bilangan kad pengenalan biru bagi permohonan baru untuk taraf kewarganegaraan yang diluluskan dari tahun 2008 hingga 2013 mengikut peratusan pecahan kaum yang terdapat di negara ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) yang telah dikeluarkan kepada warga asing yang telah dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2008 sehingga 2013 adalah sebanyak 40,144 keping. Pecahan jumlah tersebut mengikut tiga (3) kaum tertinggi adalah seperti berikut:**

BIL.	KAUM	JUMLAH (KEPING)
1.	Indonesia	16,594
2.	India	9,344
3.	Cina	6,213

*Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia  
Tarikh Kemas Kini : 10.03.2014*

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MASIR KUJAT [ SRI AMAN ]**

**TARIKH : 18 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6506**

**SOALAN:**

**Tuan Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status perancangan untuk membina CIQ di kawasan Parlimen Sri Aman terutama sekali di kampung Batu Lintang dan Pekan Lachau Sri Aman.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, pada masa ini Jabatan Imigresen Malaysia tidak bercadang untuk menaiktaraf Pos Kawalan Sempadan yang sedia ada di Batu Lintang dan membina Pos Kawalan Sempadan yang baru di Pekan Lachau kerana Pos Kawalan sedia ada masih memadai untuk memberi perkhidmatan pemeriksaan Imigresen kepada pengguna tempatan.**

**Namun begitu, di dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) Jabatan Imigresen Malaysia telah menaiktaraf Pos Kawalan Sempadan Lubok Antu kepada CIQ Lubok Antu dan Pos Kawalan Sempadan Biawak kepada CIQ Biawak dengan kapasiti yang lebih besar. Kedua-dua CIQ yang dinaiktaraf ini telah beroperasi sepenuhnya.**